



Rujukan kami : IPK.Sel.BPSM-100-1/8/3 Jld.8 (11)
Tarikh : 2 Februari 2022

YB Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor
Semua Ketua Jabatan/Agensi Negeri Selangor Darul Ehsan
Semua Pegawai Daerah Negeri Selangor Darul Ehsan
Semua Datuk Bandar/Yang Dipertua Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor Darul Ehsan
Semua Ketua Jabatan Badan-Badan Berkanun dan Anak-Anak Syarikat Kerajaan Negeri Selangor
Semua Setiausaha Bahagian/Timbangan Pengarah/Ketua Penolong Setiausaha Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor

YB Dato'/YBhg.Dato'/YBhg. Datin Paduka/YAA Dato'/SS Dato'/YBrs. Dr./Tuan/Puan,

PENGURUSAN ISU BERKAITAN MENGAWAL PENULARAN COVID-19 DI PREMIS KERAJAAN PENTADBIRAN SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR

Dengan segala hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Sebagaimana pihak YB Dato'/YBhg.Dato'/YBhg. Datin Paduka/YAA Dato'/SS Dato'/YBrs. Dr./Tuan/Puan sedia maklum, bilangan kes harian positif Covid-19 negara semakin meningkat. Cakna dengan isu tersebut, Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) telah meluluskan pemakaian Garis Panduan Pengurusan Premis Kerajaan Bagi Mengawal Penularan Covid-19 dan Ceraian SR.4.1.2-Dasar Bekerja Dari Rumah untuk digunapakai di Pentadbiran ini.

3. Sehubungan dengan itu, YB Dato'/YBhg.Dato'/YBhg. Datin Paduka/YAA Dato'/SS Dato'/YBrs. Dr./Tuan/Puan selaku Ketua Jabatan dan Agensi boleh merujuk Garis Panduan Pengurusan Premis Kerajaan Bagi Mengawal Penularan Covid-19 dan Ceraian SR.4.1.2-Dasar Bekerja Dari Rumah tersebut sebagai panduan untuk mempertimbangkan permohonan daripada pegawai yang terlibat di jabatan masing-masing.

4. Selain itu, semua Ketua Jabatan dan Agensi di bawah Pentadbiran Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor hendaklah mematuhi arahan yang dikeluarkan dan tindakan sewajarnya akan diambil sekiranya berlaku sebarang ketidakpatuhan terhadap arahan tersebut.

**PENGURUSAN ISU BERKAITAN MENGAWAL PENULARAN COVID-19 DI
PREMIS KERAJAAN PENTADBIRAN SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI
SELANGOR**

5. Segala perhatian dan kerjasama pihak YB Dato'/YBhg.Dato'/YBhg. Datin Paduka/YAA Dato'/SS Dato'/YBr. Dr./Tuan/Puan bagi menyempurnakan perkara di atas adalah amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian, terima kasih.

**“SELANGOR MAJU BERSAMA”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,


(DATO' HAJI HARIS BIN KASIM)